

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan SK Abang Man di Simunjan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SK Abang Man, Simunjan telah diluluskan untuk pelaksanaan di bawah RMK-11. Skop projek ini meliputi pembinaan gantian penuh 24 bilik darjah, asrama untuk 80 orang pelajar termasuk enam (6) unit rumah guru dan kemudahan-kemudahan lain di sekolah tersebut. Pelaksanaan projek adalah di bawah tanggungjawab dan seliaan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Sehingga kini, projek telah selesai proses *value engineering* (VE) pada Februari 2019. Projek ini dijangka akan diiklankan pada 26 Oktober 2019. Perolehan projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh JKR.

Sekian, terima kasih.